



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 18 Tahun 2017

**PEMAKLUMAN KENAIKAN MARKAH LULUS UNTUK PEPERIKSAAN (KHAS)
PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan mengenai kenaikan markah lulus untuk Peperiksaan (Khas) Peningkatan Secara Lantikan (PSL).

LATAR BELAKANG

2. Peperiksaan (Khas) Peningkatan Secara Lantikan adalah peperiksaan khas bagi menggantikan kelulusan akademik yang perlu diduduki dengan jayanya oleh staf bagi tujuan memenuhi syarat kelayakan kenaikan gred secara lantikan mengikut perbekalan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

3. Di Universiti Teknologi MARA, skim perbekalan yang dipersetujui untuk menduduki peperiksaan ini ialah:

- i. Skim F (OMPD)
- ii. Skim KP (Keselamatan)
- iii. Skim N (Asrama)
- iv. Skim S (Sukan)
- v. Skim S (Hal Ehwal Islam)
- vi. Skim S (Kesatria)

4. Markah lulus yang telah ditetapkan untuk peperiksaan (khas) Peningkatan Secara Lantikan di Universiti Teknologi MARA adalah 50 % dan ke atas.

5. Jabatan Perkhidmatan Awam melalui penambahbaikan sukatan peperiksaan telah menetapkan markah lulus Peperiksaan (Khas) Peningkatan Secara Lantikan sebanyak 80% berkuatkuasa Januari 2016.

PELAKSANAAN

6. Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia Bil 8/2016 yang bermesyuarat pada 13 Januari 2017 bersetuju untuk menerima pakai markah lulus Peperiksaan (Khas) Peningkatan Secara Lantikan sebanyak 80%.


7. Peningkatan ini dilihat sebagai motivasi kepada calon-calon yang menduduki peperiksaan untuk berusaha dengan lebih gigih mendapatkan keputusan yang cemerlang sebagai persiapan untuk menyandang jawatan yang lebih tinggi.

TARIKH DIKELUARKAN

8 Pekeliling dikeluarkan pada 13 Januari 2017.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 13 Januari 2017



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 18/2017)